

E-Syariah mampu tingkat kecekapan Mahkamah Syariah

UM - 8 FEB 2003

PUTRAJAYA 7 Feb. — Penubuhan E-Syariah mampu membawa perubahan ketara dalam meningkatkan kecekapan operasi Mahkamah Syariah di negara ini.

Ketua Pengarah Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), Datuk Dr. Muhammad Rais Abdul Karim berkata, E-Syariah direka khusus bagi mempertingkatkan pengurusan kes, termasuk penyeragaman proses yang melibatkan pendaftaran peguam syarie menerusi enam aplikasi.

“Bagaimanapun, seperti ditegaskan Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, E-Syariah bukan jawapan kepada semua permasalahan berkaitan Mahkamah Syariah.

“E-Syariah hanya alat pemudah yang diharap dapat membantu warga pen-

tadbiran hal ehwal Islam dan pengurusan Mahkamah Syariah meningkatkan kecekapan bagi kebaikan orang ramai,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas pelancaran E-Syariah yang disempurnakan oleh Dr. Mahathir di sini hari ini.

MAMPU merupakan agensi peneraju pembangunan aplikasi E-Syariah dengan kerjasama Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) selaku agensi pelaksana, serta Sarawak Information Systems (SAINS), selaku pihak yang membangunkan sistem tersebut.

Menurut Rais, enam aplikasi yang dibangunkan di bawah E-Syariah adalah seperti berikut:

● Pertama, Sistem Pengurusan Mahkamah. Sistem ini membolehkan Pen-

tadbir Mahkamah Syariah menyeragamkan proses pendaftaran kes bagi mengurangkan kerenah birokrasi di samping mempercepatkan perjalanan kes.

● Kedua, Sistem Automasi Pejabat. Sistem ini yang mengandungi aplikasi helaian kerja, pemprosesan kata, e-mel serta beberapa aplikasi lain, mampu meningkatkan kecekapan operasi harian Hakim, Pendaftar dan kakitangan Mahkamah Syariah.

● Ketiga, Sistem Pendaftaran Peguam Syarie bagi mengurus permohonan dan pembaharuan sijil amalan peguam syarie.

● Keempat, Sistem Pengurusan Perpustakaan. Sistem yang berasaskan laman web ini membolehkan pengguna mencari maklumat, meminjam dan memulangkan buku serta bahan perpustakaan secara dalam talian.

● Kelima, Portal E-Syariah iaitu gerbang maklumat yang menyediakan khidmat maklumat terkini kepada orang awam mengenai prosedur dan peraturan mahkamah.

Menerusi sistem ini orang awam juga boleh membuat pertanyaan dan pengiraan Faraid (pembahagian harta pusaka) secara dalam talian.

● Keenam, Rangkaian Elektronik yang menghubungkan secara elektronik semua Mahkamah Syariah dengan agensi lain seperti Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang di Jabatan Perdana Menteri, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim), Polis dan Jabatan Imigresen.

Menurut Rais, 106 Mahkamah Syariah di 102 lokasi di seluruh negara akan dilengkapi sistem ini.